

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PENYAMPAIAN SIJIL KEPADA PESERTA-
PESERTA RANCANGAN LATIHAN EXECU-
TIVE DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR
PADA 3HB JUN, 1974

Y.A.B. Datuk Hussein Onn, Y.B. Tan Sri Ghazali Shafie, Pengarah
I.T.M., Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan terimakasih atas jemputan untuk menyampai-
kan sijil kepada peserta-peserta Programme for Executive Develop-
ment ini. Inilah initiative pertama mengadakan rancangan latihan
seperti ini dan suka saya memuji serta mengucapkan tahniah
kepada pihak yang berkenaan atas kesungguhan dan minat mereka
menolong Kerajaan mengatasi kekurangan tenaga eksekutif Bumi-
putra menurut keperluan Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar
Ekonomi Baru.

Seperti yang dikatakan oleh Pengarah I.T.M. tadi, sudah se-
patutnya rancangan latihan ini mendapat sokongan sektor swasta
oleh kerana maksudnya ialah bagi menampung kehendak firma-
firma itu sendiri. Tegasnya, sektor swastalah yang akan mendapat
munafaat daripada rancangan ini pada muktamadnya. Dalam
hubungan ini, saya ingin menyeru pihak yang lain-lain termasuk
universiti-universiti dan kolej-kolej supaya bekerja rapat dengan
sektor swasta dan awam dalam mengendalikan rancangan-
rancangan latihan mereka. Dalam keadaan ekonomi membangun,
amatlah penting bagi kita mengeluarkan tenaga-tenaga yang di-
perlukan dalam sistem ekonomi, sosial dan politik yang terdapat di
Malaysia ini. Tenaga terlatih tidaklah patut dibazirkan dan kita
tidak mahu melihat "unemployed graduates" yang sia-sia kerana
ini amatlah merugikan terutama di negara seperti Malaysia di mana
tenaga terlatih masih kekurangan.


Saya ingin juga melihat lebih banyak lagi firma-firma dan
gudang-gudang perniagaan menunjukkan sokongan mereka kepada
institusi-institusi latihan yang dijalankan oleh Kerajaan. Kita akan
terus berusaha memberi peluang latihan kepada pemuda-pemudi
dan menyediakan mereka dengan jumlah yang seberapa ramai.
Tugas melatih dan memupuk bakat lepasan-lepasan sekolah

bukanlah tugas Kerajaan semata-mata, bahkan sektor swasta haruslah sama-sama memikul bebanan untuk melatih dan memimpin pemuda-pemudi kita supaya negara dapat maju ke hadapan dalam semua lapangan.

Saya mengucapkan tahniah kepada peserta rancangan ini kerana merekalah kumpulan pertama yang mendapat latihan seperti ini. Bagaimanapun janganlah pula menganggap mereka ini golongan yang istimewa oleh kerana latihan yang diberikan selama dua bulan ini hanyalah basic dan mereka hendaklah menunjukkan kebolehan sebenar apabila memegang tugas masing-masing kelak. Pihak swasta akan mengukur kejayaan Programme ini daripada performance para peserta kumpulan pertama ini. Oleh itu adalah menjadi kewajipan saudara-saudara semua menanamkan rasa kepercayaan dan keyakinan ini dengan membuktikan sendiri kecakapan dan initiative, semangat dan disiplin yang tinggi.

Sebagai matalamat jangka panjang negara kita ini bukan sahaja memerlukan tenaga eksekutif bahkan yang lebih mustahak lagi kita berkehendakkan para pengusaha (entrepreneurs) yang berani mengambil peluang-peluang di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Pengusaha atau entrepreneur sangat diperlukan dalam bidang ekonomi negara. Kita tidak mahu bergantung selama-lamanya kepada pengusaha-pengusaha luar negeri dan patutlah dari sekarang dibina golongan pengusaha kita sendiri yang faham dan boleh menyesuaikan diri dengan sistem ekonomi dan sosial di negara kita ini. Pengusaha-pengusaha tempatan ini tentulah lebih bermakna lagi dalam mengendalikan dan menguruskan ekonomi negara kita yang kian berkembang.

Akhir kata, saya sangat gembira dengan kejayaan rancangan Programme for Executive Development ini dan saya harap programme ini akan mendapat sokongan yang lebih besar dari semua pihak supaya benar-benar mencapai matalamat negara. Terima kasih.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein disertai oleh Tun Sambanthan sedang menyaksikan Pamiran Raja Kita di Muzium Negara, Kuala Lumpur pada 4hb Jun, 1974

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)